



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SCHOOL OF EDUCATIONAL STUDIES

PERANCANGAN PENGAJARAN

SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2019/2020

A. MAKLUMAT KURSUS

Kod Kursus	:	PGA 103
Tajuk Kursus	:	Guru, Sekolah dan Masyarakat
Hari Kuliah	:	Isnin
Masa	:	2.00 - 4.00 petang
Tempat	:	DK SK 4
Penyelaras/Pensyarah	:	Dr. Nor Asniza Ishak (NAI) Dr. Rohaya Abdullah (RA) Dr. Jamalsafri Saibon (JSS)
Pensyarah Jemputan	:	Dr. Nur Jahan Ahmad (NJA)
Bilangan Pelajar	:	219 orang
Nilai Unit	:	3

B. OBJEKTIF KURSUS

Kursus ini membina kefahaman pelajar tentang asas-asas dan konsep utama dalam perkembangan dan kelestarian pendidikan di Malaysia dalam aspek falsafah, sosiologi, sejarah dan dasar. Kursus ini juga memupuk keprihatinan pelajar terhadap kemajmukan budaya, inovasi dalam pendidikan, kepentingan kolaborasi dengan agensi luar, integrasi kaum dan tumpuan terhadap kumpulan 'bottom billion'. Selain itu pelajar akan memahami konsep sekolah, peranan guru dan isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan.

C. MAKLUMAT KULIAH

Minggu/Tarikh	Tajuk	Pensyarah	Catatan
1 [09/9/19]	Pengenalan Kursus PGA103	NAI	
2 [16/9/19]	Perkembangan Pendidikan dan Kewujudan Sekolah Pelbagai Aliran	RA	
3 [23/9/19]	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	RA	
4 [30/09/19]	Matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia dan Dasar- dasar Malaysia	NAI	
5 [07/10/19]	Guru dan Alam Pendidikan	JSS	
6 [14/10/19]	Kepelbagaian Budaya Masyarakat Malaysia dan Implikasinya dalam Alam Persekolahan	JSS	
7 [21/10/19]	Ujian	NAI	
8 [28/10/19]	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER		
9 [04/11/19]	Sekolah Sebagai Satu Organisasi Sosial	NJA	
10 [11/11/19]	Keciciran	NJA	
11 [18/11/19]	Pendidikan Swasta	NAI	
12 [25/11/19]	Etika dalam Profesion Perguruan	RA	
13 [02/12/19]	Pendidikan dan Perkembangan Sumber Manusia	RA	

14 [09/12/19]	Perbincangan Isu Pendidikan di Malaysia	JSS	
15 [16/12/19]	Ulangkaji Semua Topik	NAI	

D. RUJUKAN

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Pelan pembangunan Pendidikan Malaysia (2012).
<https://www.moe.gov.my/images/dasar-kpm/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan dasar Pelajaran (1979).
https://satusekolahuntuksemua.files.wordpress.com/2009/07/018_laporan-jawatankuasa-kabinet-mengkaji-pelaksanaan-dasar-pelajaran-19791.pdf

Hussein Haji Ahmad (1993). Pendidikan dan Masyarakat : Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan. DBP:Kuala Lumpur

Malaysia (1995). Akta Pendidikan 1996. National Printing Department . Kuala Lumpur.

Murad Mohd Noor (1973). Kajian Keciciran (Dropout Study). DBP:Kuala Lumpur.

Sufean Hussin (1993). Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah. DBP: Kuala Lumpur

Bacaan Tambahan

Perbandingan Akta Pendidikan 1991 dengan Akta Pelajaran 1961;
http://sahc.edu.my/a_portal/galeri%20ilmu/Perbandingan%20Akta.pdf

Laman web

Ministry of Education, <http://www.moe.gov.my/>

MyGovernment, <https://www.malaysia.gov.my/public/cms/topic/9/>

WENR: World Education News and Review, <http://wenr.wes.org/2014/12/education-in-malaysia>

E. Maklumat Tutorial

Minggu/Tarikh	Tajuk	Pensyarah	Catatan
3	Pembentukan Kumpulan dan Penerangan Kerja Kursus dan Tutorial	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
4	Pada pendapat anda adakah FPK berjaya? Beri contoh di Malaysia dan kaitkan dengan sistem pendidikan negara.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	

5	Bincangkan perubahan skop tugas, peranan dan akauntabiliti guru dalam konteks peningkatan kualiti bidang keguruan.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
6	Adakah guru-guru berjaya menjalankan peranan mereka secara berkesan dalam aspek pembangunan insan di Malaysia.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
7	Bincangkan tentang peranan ibu bapa dalam keluarga dan bandingkan dengan guru di sekolah	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
8	Bincangkan tentang masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
9	Sejauh manakah pendidikan di Malaysia berjaya mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat pelbagai budaya di Malaysia? Bahaskan.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
10	ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bincangkan.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
11	Adakah sekolah sebagai satu organisasi sosial sangat penting bagi negara yang sedang membangun? Dapatkah dicapai? Bincangkan.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
12	Bandingkan laporan Murad dengan masa kini dan apakah kesan keciciran kepada negara?	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
13	Pada pendapat adakah adakah KPM telah berjaya menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan?	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
14	Sumber tenaga manusia adalah penting, dalam konteks pendidikan. Bagaimana? Adakah sumber manusia di Malaysia bertaraf antarabangsa? Bagi contoh dan bukti.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	
15	Pada pendapat anda adakah IPTS menyebabkan pengangguran dalam kalangan siswazah IPTA. Bincangkan isu ini dengan peranan IPTS.	NAI/RA/JSS/ NJA/MBAR/ SZMO/MM	

Bagi kelas tutorial, pembentangan perlu dilakukan secara kreatif menggunakan kaedah selain cara pembentangan biasa, seperti perbahasan, lakonan dan seumpamanya. Bagaimanapun, slaid yang mengandungi isi-isi pembentangan masih perlu disediakan dan dipaparkan semasa sesi tutorial. Slaid bagi sesi tutorial perlu mempunyai sekurang-kurangnya 15 mukasurat. Satu salinan slaid pembentangan perlu diserahkan kepada pensyarah tutorial anda. Penglibatan aktif dalam sesi soal-jawab semasa sesi tutorial akan mempengaruhi markah kehadiran dan penyertaan anda.

F. Penilaian Kursus

Penilaian Kerja Kursus (40 %)

Mod	Pemberatan	Tarikh Serahan
Projek (Khidmat Komuniti)	20%	11 Dis 2019 (Minggu 14)
Ujian	20%	23 Okt 2019 (Minggu 7)
<p>Catatan:</p> <p>Huraian Kerja Kursus PGA103</p> <p>1. Khidmat komuniti (20%):</p> <p>Pelajar dalam kumpulan 10 orang yang multi-etnik dikehendaki menyediakan modul bagi 2 aktiviti yang bertujuan mengasah kemahiran pelajar dalam salah satu daripada kemahiran-kemahiran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran berfikir secara kritis • Kemahiran menyelesaikan masalah • Kemahiran berfikir secara kreatif • Kesedaran sivik • Semangat patriotism • Sensitiviti budaya <p>Modul yang telah dirangka perlu dilaksanakan pada kalangan responden sebenar untuk melihat kebolehlaksanaan modul berkenaan. Laporan pelaksanaan program berkenaan juga harus disediakan.</p> <p>Format modul dan laporan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Times roman, saiz 12 2. Pengenalan dan objektif modul 3. Modul aktiviti secara langkah demi langkah dan bahan bantu 4. Laporan terperinci tentang aktiviti yang telah dilaksanakan 5. Refleksi (keberkesanan/kelemahan modul dan cadangan jika ada) 6. Gambar dan semua bukti berkaitan pelaksanaan aktiviti <p>Tarikh hantar : 11 Dis 2019</p> <p>2. Ujian (15%) dan pembentangan tutorial (5%)</p> <p>Pelajar akan diberi ujian soalan struktur untuk menguji kefahaman tentang topik yang telah dikuliahkan. Soalan ujian berbentuk struktur ini mengandungi 15 soalan. Pemberatan markah ialah 15%.</p> <p>Penglibatan pelajar dalam tutorial juga diambil berat dalam kursus ini. Oleh itu, pembentangan dalam tutorial akan diambil kira sebanyak 5%.</p>		
Peperiksaan Akhir (60 %)		